

**TPPA: AS, Jepun bekerjasama rapatkan jurang
Malaysian Insider
Feb 25, 2014
OLEH The Malaysia Insider**

Amerika Syarikat (AS) dan Jepun akan terus bekerjasama untuk merapatkan jurang yang ada antara kedua-dua negara dalam rundingan Perkongsian Trans Pasifik (TPP), kata Wakil Perdagangan AS, Michael Froman.

Beliau berkata, kedua-dua negara membincangkan isu pertanian dan kereta tetapi jurang tetap kekal dan kedua-dua negara akan bekerjasama untuk merapatkannya.

"Saya rasa Timbalan USTR, Wendy Cutler dan rakan sejawatannya, Duta Hiroshi Oe (timbang ketua perunding Jepun) akan terus bertemu untuk berusaha merapatkan jurang dalam kedua-dua hala," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dua hala yang diadakan di luar acara mesyuarat peringkat menteri TPP di Singapura, semalam.

Amerika Syarikat dan Jepun gagal untuk mencapai persetujuan mengenai lima produk ladang yang Jepun mahu dikecualikan daripada penghapusan tarif, termasuk beras, gandum dan daging lembu.

Tetapi AS mahu sebaliknya dan berharap Tokyo akan membenarkan pengurangan tarif antara lima barangan berkenaan.

Menteri-menteri perdagangan dan pegawai dari Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Amerika Syarikat, Vietnam dan Singapura berkumpul di Singapura untuk perbincangan perdagangan empat hari yang bermula pada Sabtu.

Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

TPP dibayangkan sebagai sebuah perjanjian yang berkualiti tinggi dan perdagangan menyeluruh yang akan melangkaui penghapusan tarif dan isu perdagangan tradisional lain untuk menangani cabaran baru muncul yang dihadapi oleh perniagaan moden.

TPP juga berfungsi sebagai laluan untuk ke kawasan perdagangan bebas Asia Pasifik.

Sebanyak 12 negara TPP mewakili pasaran yang besar, dengan menyumbang hampir 40% daripada keluaran dalam negara kasar global dan kira-kira satu pertiga daripada perdagangan dunia.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tppa-as-jepun-bekerjasama-rapatkan-jurang>